

25/06/1997

MSC tapak uji teknologi

A Nazri Abdullah in Budapest

BUDAPEST, Selasa - Malaysia memajukan Koridor Raya Multimedia (MSC) sebagai tapak menguji penggunaan teknologi multimedia dalam kehidupan di era informasi bagi manfaat manusia sejagat.

Berucap pada persidangan multimedia di Parlimen Hungary hari ini, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, dunia sudah memasuki era teknologi informasi dan manusia mesti menyesuaikan diri dengan kehidupan baru menggunakan telekomunikasi dan komputer dalam kebanyakan urusan.

"Kita perlu menguji segala peralatan dan sistem komunikasi teknologi tinggi supaya benar-benar faham kesan era teknologi ke atas kehidupan manusia bagi mengelakkan sebarang kesilapan dan keburukan.

"Negara Eropah Timur tentu mudah memahami hakikat ini kerana anda pernah melaksanakan sistem tanpa sebarang ujian dan selepas 70 tahun, anda dapati sistem itu (komunisme) memberi kesan buruk penderitaan dan kerugian yang besar," katanya.

Perdana Menteri, yang menjelaskan secara panjang lebar projek MSC, memberi jaminan, Malaysia akan memastikan setiap syarikat yang menyertainya mendapat sokongan penuh kerajaan.

"Dalam MSC, anda boleh menjalani ujian sebenar bentuk kehidupan di era maklumat yang menggunakan komputer dan Internet untuk mengendalikan perniagaan, mengarah perjalanan syarikat atau mengadakan mesyuarat.

"Pendek kata anda tidak bersemuka dengan manusia sebaliknya berhadapan dengan skrin komputer untuk berkomunikasi dengan syarikat anda sejauh 20,000 kilometer dari bilik tidur anda," katanya.

MSC, yang merangkumi kawasan seluas 15 kilometer x 50 kilometer persegi antara Lapangan Terbang Antarabangsa KL di Sepang dengan Kuala Lumpur City Centre (KLCC), adalah projek multimedia raksasa pertama seumpamanya pernah dirancang di dunia. Ia akan menyaksikan dua bandar baru, Cyberjaya dan Putrajaya yang dilengkapi dengan teknologi maklumat terkini.

Lima aplikasi khusus yang akan dimajukan di MSC, ialah teleperubatan, sekolah canggih (smart school), kelompok pembangunan dan penyelidikan (R&D cluster), kad pelbagai guna (multipurpose card) dan kerajaan elektronik.

Setakat ini, 40 syarikat termasuk 19 syarikat multinasional sudah menyatakan komitmen mereka untuk menyertai MSC. Antaranya ialah Nippon Telephone & Telegraph (NT&T), Sun Microsystems Inc, Fujitsu, Siemens, British Telecoms, Ericson dan Hewlett Packard.

Dr Mahathir berkata, pentadbiran kerajaan di Putrajaya akan menggunakan sepenuhnya teknologi maklumat kerana Malaysia mahu melihat kerajaan elektronik menggantikan sistem pentadbiran secara manual.

"MSC penting kerana ia dapat menyediakan tapak untuk anda menguji sistem terkini seperti penggunaan kad pintar, teleperubatan, operasi ibu pejabat menggunakan multimedia dan sekolah bestari.

"Bagi menjayakan projek ini, kerajaan meluluskan tiga undang-undang siber dan memberi pelbagai insentif seperti pelepasan cukai, kebebasan mendapatkan tenaga pakar asing, jaminan hak cipta, harta intelek dan pemilikan 100 peratus syarikat asing," katanya.

(END)